

# Kempen Sihat Bersama PruBSN

## Terma dan Syarat

1. Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 1 Oktober 2021 hingga 31 Oktober 2021, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, nombor telefon dan alamat surat-menyurat yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum 1 Disember 2021.
4. Kelayakan Kempen:
  - a. Pelanggan yang menyertai sijil baharu (Bisnes Baharu) **PruBSN Anggun, PruBSN AnugerahPlus, PruBSN Impian dan PruBSN Setia** yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dan menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dalam Tempoh Kempen, di mana sijil tersebut haruslah diterima (diluluskan dan dikeluarkan) sebelum 15 November 2021 ("Pelanggan yang Layak").
  - b. Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dan tiada sumbangan tertunggak pada 1 Disember 2021.
  - c. **Kaedah pembayaran** mesti dilakukan melalui:
    - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch, atau
    - Debit Terus diikuti dengan pendaftaran atas talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch
5. Hadiah Kempen:

Setiap Pelanggan yang Layak (Peserta) akan menerima **PruBSN Care Pack** ("Hadiah") berdasarkan syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan setiap Sijil	Hadiah
<b>PruBSN Anggun</b>	Serahan 1 - 15 Okt 2021: Sumbangan Tahunan minima RM2,400* Serahan 16 - 31 Okt 2021: Sumbangan Tahunan minima RM1,800*	<b>PruBSN Care Pack bernilai RM100</b>
<b>PruBSN AnugerahPlus, PruBSN Impian/Setia</b>	Sumbangan Tahunan minima RM2,400* bersama rider Crisis Shield dan/atau Crisis Protector dan/atau Cancer Protector dan/atau Vital Care Plus	

*PruBSN Care Pack mengandungi barang keperluan seperti Kit Ujian COVID-19 Antigen Rapid, pelitup muka, pembersih tangan dan tisu basah pembasmi kuman untuk menjaga diri anda dan keluarga.*

*\*Tidak termasuk Takaful Saver/Takaful Saver Impian.*

6. Pelanggan yang Layak untuk mendapat Hadiah akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan.
7. PruBSN akan menyerahkan Hadiah kepada Pelanggan yang Layak mulai 31 Disember 2021 melalui kurier atau ejen perkhidmatan Takaful anda.
8. Kes-kes ejen sendiri akan dikecualikan (di mana ejen ialah pemilik sijil/orang yang dilindungi dalam pelan tersebut) daripada Kempen ini.
9. Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Hadiah adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Hadiah diedarkan. Sekiranya Hadiah tersebut dicuri atau hilang kerana sebarang sebab atau dalam sebarang keadaan, tiada penggantian akan dibuat oleh PruBSN.
10. PruBSN tidak memberikan jaminan ke atas kualiti atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Hadiah. PruBSN tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakan atau kemudaratan (sama ada secara fizikal atau mental) yang mungkin dialami oleh Pelanggan yang Layak yang timbul akibat penerimaan dan penggunaan Hadiah.
11. PruBSN boleh menggantikan Hadiah tersebut dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
12. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
13. Hadiah yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai variasi kepada terma dan syarat sijil Takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau peraturan pengunderaitan PruBSN.
14. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Hadiah adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
15. Terma dan syarat ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.